

Literasi Kewangan Dan Kesannya Terhadap Gelagat Perbelanjaan Mahasiswa di Universiti
Kebangsaan Malaysia
(*Financial Literacy and its Impact on Student Spending Behavior at the National University of
Malaysia*)

HAIRUNNIZAM WAHID & SITI AISYAH ZAHARI*

ABSTRAK

Kos sara hidup yang semakin hari semakin meningkat menyebabkan pelajar perlu celik kewangan bagi menjalani kehidupan yang lancar di universiti. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengkaji tahap literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa khususnya di Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain daripada itu, kajian ini juga bertujuan mengenalpasti kefahaman mahasiswa tentang konsep keperluan dan kehendak. Seterusnya, hasil tersebut akan digunakan untuk menganalisis hubungan antara tahap literasi kewangan mahasiswa terhadap gelagat perbelanjaan mereka. Seramai 200 orang responden iaitu dalam kalangan pelajar sarjana muda Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dipilih bagi menjalankan kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara purata pelajar di UKM memiliki tahap literasi kewangan yang sederhana. Hasil analisis regresi berbilang menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, tingkahlaku, pengalaman dan tahun pengajian mempengaruhi tahap literasi kewangan pelajar. Faktor-faktor lain termasuk fakulti pengajian dan nilai PNGK pelajar adalah tidak signifikan. Memandangkan literasi kewangan merupakan aspek penting yang perlu diterapkan demi pengurusan kewangan yang mantap, maka pelbagai usaha perlu dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran mengenai pengetahuan kewangan dalam kalangan pelajar universiti.

Kata kunci: Kos sara hidup, Literasi kewangan, Gelagat perbelanjaan, pengetahuan kewangan.

ABSTRACT

The arising of living cost of the day is causing students to get financially literate for a comfortable university life. Thus, this study was conducted to analyze the level of financial literacy among students especially at the National University of Malaysia (UKM). Besides, the study also aimed to identify the students' understanding of the concept of needs and wants. Next, the results will be used to analyze the relationship between students' financial literacy levels and their spending behavior. A total of 200 respondents, among the undergraduate students of UKM, were selected to conduct this study. The results show that on average students in UKM have moderate levels of financial literacy. Multiple regression analysis results suggest that the level of cognition, behavior, experience, and years of study influence students' financial literacy levels. Other factors including faculty of study and student GPA values were not significant. As financial literacy is a significant aspect that needs to be applied for financial management, plenty of efforts need to be made to lift awareness of financial knowledge among university students.

Keywords: Living cost, financial literacy, Spending behavior, financial knowledge.

PENGENALAN

Perbelanjaan pendidikan seorang individu kian hari kian bertambah berikutan perubahan gaya hidup dan kos sara hidup yang semakin meningkat di Malaysia (Mansor & Zulridah, 1998). Oleh itu, kebanyakan mahasiswa perlu melakukan pinjaman untuk meneruskan pembelajaran di institusi pengajian tinggi kerana segalanya tidak ditawarkan secara percuma malah memerlukan kepada penggunaan wang. Bagi konteks mahasiswa, wang diperlukan untuk memenuhi tuntutan sebagai pelajar iaitu untuk membeli alatan tulis, buku rujukan, makan minum seharian mahupun untuk menyelesaikan yuran pengajian. Tanpa wang pelajar akan sukar untuk meneruskan pembelajaran dengan baik bahkan sukar untuk mendapatkan keselesaan dalam kehidupan. Maka, untuk memastikan pelajar mendapatkan pendidikan yang baik, pihak kerajaan dan pihak swasta telah menawarkan pelbagai skim pinjaman pelajaran, biasiswa dan pelbagai bentuk bantuan kepada mahasiswa seperti PTPTN, JPA, BPTAR, Biasiswa Sime Darby dan sebagainya. Di UKM pula bantuan yang disediakan termasuklah bantuan zakat kepada mahasiswa yang dikendalikan oleh Tabung Amanah Zakat UKM (TAZUKM). Umumnya sumber pembiayaan ini akan meningkatkan pendapatan tambahan mahasiswa yang seterusnya akan meningkatkan kuasa beli dan taraf hidup mereka ke arah yang lebih baik. Walau bagaimanapun, hal ini menjadi masalah apabila pendapatan tambahan yang diterima menyebabkan mereka berasa selesa dan berbelanja melebihi keperluan (Che Wan, Hairunnizam & Mohd Ali, 2018).

Seramai 64,632 rakyat Malaysia direkodkan mufliis dalam lima tahun lalu, membabitkan usia semuda 18 hingga 44 tahun dan seramai 13,338 individu berada di dalam belunggu itu pada September 2018, demikian yang telah dilaporkan oleh AKPK pada 19 Februari 2019 (AKPK, 2019) Golongan umur yang dinyatakan mufliis oleh AKPK turut merangkumi golongan belia yang sebahagian besarnya merupakan mahasiswa. Mufliis sebenarnya berpunca daripada perubahan lanskap kewangan hari ini yang semakin mencabar serta faktor pengurusan dan literasi kewangan seseorang individu. Di Malaysia, isu hutang dalam kalangan remaja juga sangat berkaitan dengan mufliis, laporan daripada pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang merupakan sebuah badan kewangan bagi mengeluarkan pinjaman kepada pelajar dalam pelbagai jurusan dan peringkat pengajian (Rubayah, Hawati & Nur Ain, 2015). Bahkan sejak PTPTN diwujudkan 21 tahun lalu, 362,000 daripada 1.9 juta peminjam tidak membayar balik pinjaman mereka berjumlah

RM2.7 bilion (Sinar Online, 2019). Disebalik masalah kewangan yang melanda sebenarnya, pelajar sendiri perlulah merancang kewangan dengan baik walaupun telah ditawarkan dengan pelbagai bentuk bantuan mahupun pinjaman. Ini kerana, masalah kewangan boleh berlaku sekiranya mahasiswa gagal untuk merancang kewangan dengan bijaksana (Yasmin & Anuar, 2017). Hal ini jelas menunjukkan, literasi kewangan adalah sangat penting bagi memastikan pelajar dapat menjalani kehidupan dengan lancar dan baik di universiti. Atiqah, Rusliza & Mohd Abdullah (2017) menyatakan literasi menjadi kemahiran asas dan penting untuk mengetahui bagaimana aliran wang seharian, pengurusan pendapatan dan perbelanjaan, pelaburan, pengurusan risiko kewangan yang berkesan dan cara-cara untuk mengelakkan masalah kewangan. Selain itu, literasi kewangan penting untuk mengelakkan mahasiswa menanggung bebanan hutang yang melampau (Yasmin & Anuar, 2017).

Konflik pengurusan kewangan sebenarnya timbul disebabkan wujudnya kekeliruan dalam mengenalpasti antara barangan keperluan atau kehendak dalam kalangan pelajar kerana kurangnya ilmu tentang pengurusan kewangan dalam diri mereka. Kekurangan literasi dan kemahiran merancang kewangan boleh mendatangkan masalah kewangan kepada individu itu sendiri (Mohamad Fazli et al., 2008). Sekiranya mahasiswa tidak mampu menguruskan kewangan dengan baik, pembaziran akan berlaku kerana mereka tidak dapat membezakan antara keperluan dan kehendak. Ini menunjukkan bahawa amatlah penting bagi seseorang mahasiswa untuk memantau gelagat perbelanjaan mereka supaya tidak timbul pembaziran dan timbul tabiat berhutang (Yasmin & Anuar, 2017).

Walaupun terdapat banyak kajian yang mengkaji pengurusan kewangan pelajar di institusi pengajian tinggi sama ada di dalam negara atau luar negara, namun kebanyakan kajian hanya menumpukan kepada responden tertentu sahaja. Kajian yang dilakukan kali ini lebih menumpukan kepada tahap literasi kewangan golongan mahasiswa di UKM. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tahap literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa. Kedua, untuk mengkaji kefahaman mahasiswa tentang konsep keperluan dan kehendak. Objektif ketiga adalah untuk menganalisis hubungan antara tahap literasi kewangan mahasiswa dan kesan terhadap gelagat perbelanjaan mereka. Kajian ini dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia di mana tumpuan responden pengkaji ialah mahasiswa dan mahasiswi Universiti Kebangsaan Malaysia kampus Bangi. Struktur perbincangan penulisan kajian ini akan diteruskan dengan sorotan kajian, disusuli penerangan metodologi, perbincangan

analisis empirikal dapatan kajian, kesimpulan dan implikasi dan kesan kajian.

KAJIAN LEPAS

Definisi Literasi Kewangan

OECD (2005) mendefinisikan literasi kewangan sebagai satu proses yang mana para pengguna atau pelabur meningkatkan pemahaman dan pengetahuan mereka terhadap produk dan konsep kewangan melalui maklumat, arahan, nasihat dan objektif, membentuk kemahiran dan tahap keyakinan untuk lebih sedar mengenai risiko kewangan dan peluang untuk membuat pilihan dalam membuat keputusan dan tindakan yang efektif dalam meningkatkan kesejahteraan kewangan. Literasi kewangan merupakan gabungan pengetahuan kewangan, kesedaran, kemahiran, kebolehan, sikap dan tingkah laku yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan yang berhemah (Murugiah, 2016). Lusardi dan Tufano, 2008 telah mendefinisikan literasi kewangan sebagai suatu pertimbangan dari aspek pembuatan keputusan dalam urusan kewangan. Menurut *The Presidents Advisory Council on Financial Literacy* (PACFL), 2008 literasi kewangan ialah kemampuan dan keupayaan untuk menggunakan pengetahuan dan kemahiran untuk menguruskan sumber kewangan secara berkesan untuk suatu jangka masa kesejahteraan kewangan. Azahari Ramli (2018) pula menyatakan literasi kewangan merujuk kepada set kemahiran dan pengetahuan yang membolehkan individu untuk membuat keputusan yang berpengetahuan dan berkesan dengan semua sumber kewangan mereka. Noor Azizah et al. (2013) memberi takrifan literasi kewangan sebagai pengetahuan, prinsip, konsep dan alat-alat teknologi asas yang membolehkan seseorang itu menjadi bijak berkenaan kewangan.

Literasi Kewangan

Pelbagai kajian telah dijalankan untuk mengkaji literasi kewangan sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Antaranya, kajian Mwange (2017) menunjukkan pelajar-pelajar di Universiti Zambia lebih ramai mempunyai tahap celik kewangan yang tinggi kerana mempunyai ilmu dalam bidang a) pengetahuan kewangan umum, b) pengetahuan mengenai simpanan, hutang dan pelaburan, dan c) pendedahan kepada isu kewangan dan monetari. Kajian oleh Volpe, Chen & Pavlicko (1996) pula menunjukkan keputusan sebaliknya di mana purata pelajar Universiti di Midwest tidak mempunyai literasi kewangan yang mencukupi dalam

bidang pengetahuan pelaburan. Kajian di Malaysia yang dilakukan di RTC Zon Utara menunjukkan literasi kewangan dalam kalangan usahawan mini berada pada tahap sederhana dan masih perlu dipertingkatkan (Atiqah, Rusliza & Mohd Abdullah, 2017). Kajian yang dilakukan oleh Kimiyaghalam & Yap (2017) pula menunjukkan bahawa hampir separuh daripada rakyat Malaysia dalam kajiannya mempunyai asas literasi kewangan, tetapi pemahaman mengenai konsep kewangan yang lebih tinggi seperti fungsi bon dan stok adalah kurang. Dapatan kajian Nor Syahidah & Norasmah (2017) mendapati literasi kewangan para pelajar institusi pengajian tinggi di Bangi adalah berada pada tahap yang tinggi. Namun kajian yang dilakukan Yasmin & Anuar (2017) pula menunjukkan tahap literasi mahasiswa berada pada tahap yang sederhana yang mana mahasiswa paling kurang pengetahuan tentang hutang.

Kajian yang dilakukan di Bandar Iligan, Filipina mendapati terdapatnya hubungan yang positif antara pendidikan kewangan dengan tahap pengetahuan usahawan dalam hal-hal kewangan (Guliman, 2015). Oleh itu, pihak kolej mahupun universiti perlu memperkayakan kualiti pendidikan pengurusan kewangan supaya golongan belia khususnya mahasiswa ini lebih celik kewangan (Nor Syahidah & Norasmah, 2017). Jadi, modul-modul kemahiran kewangan perlu diterapkan terutamanya di peringkat sekolah, universiti, kolej dan institusi pendidikan yang lain (Nuraini et al., 2013). Selain itu, menurut Zuriana dan Rosniyati (2012) kerjasama Agensi Kaunseling Pengurusan Kewangan (AKPK) telah membangunkan kursus *Personal Financial Management* di institusi-institusi pengajian tinggi tidak terkecuali politeknik untuk meningkatkan tahap pengetahuan kewangan pelajar.

Impak Kepada Gelagat Perbelanjaan

Literasi kewangan yang tinggi mahupun rendah akan memberi kesan kepada gelagat perbelanjaan seseorang. Williams (2001) mendapati kurangnya literasi pengurusan kewangan dalam kalangan penuntut kolej menyebabkan keputusan yang dibuat oleh mereka dalam aspek kewangan adalah sangat lemah serta boleh mengancam masa depan mereka. Kajian oleh Huston et al. 2003; 2010 juga mendapati bahawa mahasiswa yang mempunyai literasi kewangan yang tinggi diperlihatkan mempunyai risiko kekurangan wang yang rendah. Dalam Laporan Tahunan BNM (2010) menunjukkan gelagat perbelanjaan pengguna telah berubah sejak tahun 2000 di mana bahagian perbelanjaan untuk barangan pilihan sendiri (discretionary items) seperti restoran dan hotel, komunikasi, serta rekreasi dan budaya khususnya adalah

telah meningkat berbanding dengan perbelanjaan bagi keperluan asas. Kajian yang dilakukan Mohamad Fazli et. al. (2008) pula menunjukkan kebanyakan orang muda seperti mahasiswa cenderung untuk membelanjakan pendapatan mereka dengan cepat kepada keperluan peribadi dan seterusnya mengabaikan keperluan untuk simpanan peribadi mereka. Malahan, sebahagian besar pelajar universiti didapati menghabiskan biasiswa atau pinjaman yang diterima sebelum semester berakhir (Mohamad Fazli dan MacDonald, 2010) dan 45 peratus daripada pelajar cenderung menghabiskan kesemua wang simpanan mereka sebelum akhir semester (Nisha & Norziah, 2017).

Hal ini menunjukkan bahawa kekurangan literasi kewangan menyebabkan seseorang berbelanja berlebihan sehingga kekurangan wang di hujung semester. Jika mahasiswa gagal dalam menguruskan sumber pembiayaan yang diberi, mereka terpaksa membuat kerja sambilan bagi mendapatkan wang. Ini mengakibatkan pengurangan tumpuan ketika di kuliah akibat daripada tidak cukup tidur ataupun ponteng kuliah untuk bekerja (Aisyah & Wajeaha, 2016). Noraihan, Hasmida & Syaiful (2013) mendapati pengetahuan terhadap pengurusan kewangan bagi pelajar adalah penting untuk memastikan proses pembelajaran tidak terganggu dan pelajar mampu mengurus kewangan dengan lebih baik serta dapat memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran. Secara rumusannya, kajian ini akan memfokuskan kepada tahap literasi kewangan pelajar UKM dan melihat gelagat perbelanjaan mereka berdasarkan tahap literasi kewangan. Namun, kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini kebanyakannya memfokus kepada tahap literasi kewangan pelajar semata-mata dan tidak memfokuskan kepada universiti tertentu. Kajian sebelum ini juga menilai faktor literasi kewangan yang berbeza. Dalam kajian ini faktor literasi kewangan yang diukur ialah pengetahuan kewangan, tingkah laku pengurusan kewangan dan pengalaman kewangan, dengan kajian sebelum ini.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji literasi kewangan mahasisiwa di UKM dan kesannya terhadap pola perbelanjaan mereka. Lokasi kajian ini telah dijalankan di UKM kampus Bangi di mana merangkumi lapan buah fakulti di bawah pentadbirannya. Kajian ini mengguna pakai metodologi kuantitatif yang menganalisis data primer yang dikutip melalui kaedah soal selidik. Hampir 200 set soal selidik diedarkan kepada mahasiswa di UKM kampus Bangi yang terdiri daripada prasiswazah.

Instrumen Kajian

Set soal selidik akan dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian A adalah untuk mengukur tahap literasi kewangan, kemudian bahagian B pula merupakan soalan mengenai pemahaman mahasiswa mengenai konsep keperluan & kehendak dalam perbelanjaan. Bahagian C pula untuk melihat impak literasi kewangan kepada gelagat perbelanjaan mahasiswa manakala bahagian D memperuntukkan responden untuk memberi komen dan cadangan mengenai pengurusan literasi kewangan dalam kalangan pelajar di UKM. Bahagian E pula memperincikan data demografi responden. Jawapan bagi soalan yang disediakan pada bahagian A sehingga bahagian C adalah dalam bentuk skala Likert. Kajian ini mengelaskan skor yang diperoleh berdasarkan kepada tahap skor pengukuran literasi kewangan oleh Rubayah, Hawati & Nur Ain (2015). Ianya dibahagikan kepada tiga tahap iaitu nilai skor yang lebih besar daripada sifar tetapi kurang dan sama dengan 1 ($0 < \text{skor} \leq 2.99$) merujuk kepada literasi kewangan tahap lemah. Tahap yang kedua iaitu literasi kewangan tahap sederhana mengambil nilai skor yang terletak di antara 3 dan 3.99 ($3 < \text{skor} \leq 3.99$), manakala tahap ketiga iaitu literasi kewangan tahap tinggi pula merujuk kepada nilai skor kurang daripada dan sama dengan 5 tetapi lebih besar daripada 4 ($4 < \text{skor} \leq 5$). Berikut merupakan pengkelasan tahap literasi kewangan yang diringkaskan.

Rajah 1. Garisan Nombor bagi Skor Literasi Kewangan



Sumber: Rubayah, Hawati & Nur Ain (2015)

Kaedah Analisis Data

Analisis deskriptif digunakan untuk mengukur demografi responden. Berdasarkan Jadual 1, ujian kebolehppercayaan terhadap soalan kaji selidik telah dijalankan. Menurut Pallant (2007) ; Nor Adibah et al. (2017), indeks kebolehppercayaan dalaman sesuatu ujian adalah paling memuaskan jika nilainya 0.7. Keputusan ujian dilihat berdasarkan nilai Cronbach Alpha yang mana kesemuanya dilihat mempunyai nilai yang melebihi 0.70 iaitu nilai kebolehppercayaan yang boleh diterima dan baik. Analisis statistik berbentuk inferens turut digunakan pada peringkat pengujian hipotesis iaitu ujian ANOVA Satu Hala (*One Way ANOVA*). Hipotesis kajian adalah hipotesis nol (H_0) yang diuji dalam ANOVA satu hala adalah populasi yang bermaksud sampel K yang dipilih adalah sama atau setiap kumpulan adalah sama iaitu;

$$H_0: \mu_1 = \mu_2 = \dots = \mu_K \quad (1)$$

yang mana K adalah bilangan tahap pembolehubah bebas). Sebagai contoh: Jika pemboleh ubah bebas mempunyai tiga tahap maka;

$$H_0: \mu_1 = \mu_2 = \mu_3 \quad (2)$$

Manakala hipotesis alternatif (H_a) adalah bahawa sekurang-kurangnya satu kumpulan secara signifikannya berbeza daripada kumpulan yang lain. Atau sekurang-kurangnya dua kumpulan secara signifikannya sangat berbeza iaitu;

$$H_a: \mu_i \neq \mu_k \quad (\text{untuk beberapa } i, k) \quad (3)$$

yang mana i dan k hanya menunjukkan kumpulan yang unik). Pada waktu yang sama, ujian Levene bagi kehomogenan varians (test of homogeneity of variances) yang diperolehi daripada analisis varians (analysis of varians) juga turut digunakan dalam kajian ini. Ujian Levene dijalankan adalah bertujuan untuk menguji dan mengesahkan salah satu andaian sebelum ANOVA boleh dijalankan di mana varians bagi variabel bersandar. Berikut merupakan hipotesis yang akan digunakan dalam ujian Levene:

$$H_0: \sigma_1^2 = \sigma_2^2 = \dots = \sigma_K^2 \quad (\text{variens data homogen}) \quad (4)$$

$$H_a: \sigma_i^2 \neq \sigma_k^2 \quad (\text{untuk beberapa } i, k) \quad (\text{variens data tidak homogen}) \quad (5)$$

Data juga dianalisis dengan menggunakan model regresi logistik bagi mengukur kebarangkalian beberapa pemboleh ubah untuk mencapai objektif kajian. Kajian ini akan mengadaptasi model daripada kajian yang dilakukan oleh Hairunnizam et al. (2004). Dengan ini

berpandukan persamaan (6) model khusus yang akan dianggarkan dalam kajian ini ialah:

$$L = \ln \left(\frac{P_i}{1 - P_i} \right) = B_0 + B_1X_1 + B_2X_2 + B_3X_3 + B_4X_4 + B_5X_5 + B_6X_6 \quad (6)$$

L log bagi nisbah 'odds' impak literasi kewangan kepada gelagat perbelanjaan

X_1 pengetahuan kewangan

X_2 tingkah laku pengurusan kewangan

X_3 pengalaman kewangan

X_4 fakulti pengajian

X_5 tahun pengajian

X_6 PNGK

Pembolehubah bersandar merupakan impak literasi kewangan kepada gelagat perbelanjaan yang mana bernilai = 1; wujud impak literasi kewangan kepada gelagat perbelanjaan dan nilai = 0; adalah sebaliknya iaitu tidak wujud impak literasi kewangan. Pembolehubah fakulti pengajian pula dikategorikan kepada bidang pengajian iaitu = 1; sekiranya pelajar daripada bidang sains sosial iaitu terdiri dari Fakulti Ekonomi Pengurusan, Fakulti Sains Sosial Kemasyarakatan, Fakulti Sains Citra, Fakulti Undang-Undang, Fakulti Pendidikan dan Fakulti Pengajian Islam manakala bernilai = 0; adalah pelajar daripada bidang sains iaitu meliputi Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Fakulti Sains Teknologi serta Fakulti Teknologi Sains Maklumat Pembolehubah tahun pengajian pula diukur berdasarkan nilai = 1; pelajar senior (mahasiswa tahun pengajian ke-3 dan ke-4) dan nilai = 0; sebaliknya. Daripada aspek pembolehubah nilai PNGK pula, dikategorikan nilai = 1; merujuk kepada cemerlang iaitu mahasiswa yang memperoleh PNGK 3.51 ke atas dan nilai = 0; adalah sebaliknya. Pembolehubah dalam persamaan (6) diuji untuk menentukan manakah pembolehubah yang signifikan mempengaruhi impak literasi kewangan kepada gelagat perbelanjaan mahasiswa.

DAPATAN KAJIAN

Merujuk kepada Jadual 1, seramai 200 orang responden terlibat yang mana sebanyak 27 peratus daripada responden adalah lelaki dan sebanyak 73 peratus adalah perempuan. Kaum Melayu mencatatkan bilangan responden yang terbanyak iaitu sebanyak 81.5 peratus diikuti kaum Cina sebanyak 11.5 peratus, 4.0 peratus responden dari kaum India manakala baki 3.0

JADUAL 1. Demografi Responden

Pemboleh ubah	Kekerapan	Peratusan
<i>Jantina</i>		
Lelaki	54	27.0
Perempuan	146	73.0
Jumlah	200	100.0
<i>Kaum</i>		
Melayu	163	81.5
Cina	23	11.5
India	8	4.0
Lain-lain	6	3.0
Jumlah	200	100.0
<i>Umur</i>		
Kurang 19 tahun	15	7.5
20-30 tahun	185	92.5
Jumlah	200	100.0
<i>Fakulti</i>		
FEP	48	24.0
FPI	37	18.5
FST	37	18.5
FSSK	41	20.5
FUU	3	1.5
FTSM	13	6.5
FKAB	4	2.0
FPEND	7	3.5
CITRA	10	5.0
Jumlah	200	100.0
<i>Tahun Pengajian</i>		
Tahun 1	58	29.0
Tahun 2	64	32.0
Tahun 3	73	36.5
Tahun 4	5	2.5
Jumlah	200	100.0
<i>PNGK Semasa</i>		
2.01 - 2.50	6	3.0
2.51 - 3.00	12	6.0
3.01 - 3.50	93	46.5
3.51 - 4.00	89	44.5
Jumlah	200	100.0
<i>Pendapatan keluarga per bulan</i>		
Kurang daripada RM1,000	27	13.5
RM1,001 - RM2,000	57	28.5
RM2,001 - RM3,000	25	12.5
RM3,001 - RM4,000	24	12.0
RM4,001 - RM5,000	22	11.0
RM5,001 dan ke atas	45	22.5
Jumlah	200	100.0
<i>Sumber Kewangan Sebulan</i>		
Biasiswa	23	11.5
Pinjaman	83	41.5
Ibu bapa	76	38.0
Sendiri	18	9.0
Jumlah	200	100.0

peratus responden merupakan lain lain bangsa. Hampir sebahagian besar responden berumur lingkungan berumur antara 20 hingga 30 tahun yang mewakili 92.5 peratus daripada keseluruhan responden dan hanya 7.5 peratus golongan yang berumur 19 tahun dan ke bawah. Sebahagian besar responden merupakan pelajar daripada Fakulti Ekonomi & Pengurusan (24.0%) diikuti dengan pelajar daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (20.5%) dan ketiga Fakulti Pengajian Islam serta Fakulti Sains dan Teknologi yang berkongsi peratusan yang sama iaitu (18.5%). 36.5 peratus daripada responden yang bersamaan dengan 73 orang adalah pelajar tahun 3 di UKM dan jumlah kedua terbesar adalah responden yang merupakan pelajar tahun 2 (32%). Daripada aspek PNGK semasa pula, sebahagian besar responden memperoleh PNGK bernilai 3.01 hingga 3.50 iaitu sebanyak 93 orang dan hanya 6 orang responden memperoleh PNGK bernilai 2.01 hingga 2.50. Seramai 57 orang daripada 200 orang responden merupakan golongan daripada keluarga berpendapatan

rendah iaitu RM1,001 hingga RM2,000 dan sejumlah 45 orang responden tergolong daripada keluarga yang berpendapatan RM5,001 dan keatas. Sebahagian besar responden memperoleh sumber kewangan setiap bulan melalui pinjaman yang diperoleh (41.5%) dan diikuti dengan sumber kewangan daripada ibu bapa (38.0%) dan hanya (9.0%) menggunakan sumber sendiri dalam berbelanja setiap bulan sebagai pelajar.

Jadual 2 menunjukkan nilai pekali kebolehppercayaan bagi keseluruhan item tahap literasi kewangan iaitu pengetahuan kewangan, tingkah laku pengurusan kewangan dan pengalaman kewangan berada pada tahap yang tinggi. Item konsep keperluan dan kehendak serta impak literasi kewangan kepada gelagat perbelanjaan mahasiswa berada pada tahap yang tinggi. Oleh itu, hasil kajian ini adalah sesuai untuk dibincangkan dan dianalisis dengan lebih lanjut.

JADUAL 2. Analisis Ujian Kebolehppercayaan

Item	Nilai Cronbach Alpha
Pengetahuan kewangan	.777
Tingkah laku pengurusan kewangan	.789
Pengalaman kewangan	.819
Konsep keperluan	.827
Konsep kehendak	.826
Impak literasi kewangan kepada gelagat perbelanjaan mahasiswa	.817

Sumber : Soal selidik 2019

Berdasarkan Jadual 3, terdapat tiga faktor literasi kewangan yang diukur. Min setiap faktor dinilai untuk dijadikan rujukan tahap literasi kewangan responden iaitu bagi min 4.00 dan ke atas adalah nilai min yang tinggi, nilai min 3.00 hingga 4.00 adalah tahap literasi kewangan yang sederhana, dan nilai min 2.99 dan kebawah dinilai sebagai tahap yang rendah. Secara purata, hasil kajian ini telah mendapati tahap literasi kewangan yang tinggi berlaku kepada faktor pengetahuan kewangan (4.14). Manakala faktor yang dinilai berada pada tahap persetujuan yang sederhana adalah faktor tingkah laku pengurusan kewangan (3.69) dan juga amalan pengurusan kewangan (3.12). Namun begitu secara keseluruhannya, nilai min keseluruhan

kesemua faktor literasi kewangan ialah berada pada tahap yang sederhana (3.65). Bagi item pengetahuan kewangan, skor min tertinggi ialah pada item kesedaran responden mengenai kenaikan harga barang berikutan pengurangan kuasa beli iaitu sebanyak 4.37. Bagi item tingkah laku pengurusan kewangan pula hanya item yang menunjukkan responden tidak menanggungkan pembayaran yuran berada pada min yang tinggi (4.06) dan item selebihnya berada pada tahap sederhana. Pengalaman kewangan pula menunjukkan item yang menerangkan bahawa responden menetapkan matlamat perbelanjaan telah merekodkan nilai min tertinggi 3.40 namun berada pada tahap literasi kewangan yang sederhana.

JADUAL 3. Tahap Literasi Kewangan dalam kalangan Mahasiswa di UKM

Item	Muatan Faktor	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap ¹
A) Pengetahuan Kewangan				
Mengetahui bahawa kenaikan inflasi bermaksud kos sara hidup akan meningkat.	.647	4.26	.770	Tinggi
Menyedari bahawa kenaikan harga barang mengurangkan kuasa beli.	.747	4.37	.765	Tinggi
Memahami semua bentuk pelaburan mampu memberikan pulangan dalam bentuk keuntungan ataupun kerugian.	.755	4.21	.835	Tinggi
Berpendapat kadar pulangan bank mempengaruhi nilai simpanan masa hadapan.	.775	3.39	.821	Sederhana
Mengetahui bahawa kunci kira kira memaparkan status kewangan sesebuah entiti.	.711	3.91	.886	Sederhana
Purata		4.14		Tinggi
A2 : Tingkah Laku Pengurusan Kewangan				
Tidak menanggungkan pembayaran yuran pengajian.	.673	4.06	1.081	Tinggi
Mempunyai wang tunai yang mencukupi untuk tujuan kecemasan.	.650	3.64	1.085	Sederhana
Tidak membuat pinjaman wang dari rakan atau keluarga untuk membeli barangan keperluan.	.661	3.59	1.277	Sederhana
Tidak pernah menerima notis tunggakan yuran atau sebarang bil.	.712	3.92	1.171	Sederhana
Tidak berbelanja melebihi kemampuan.	.711	3.54	1.160	Sederhana
Tidak pernah mengalami kemurungan kerana kekurangan wang.	.778	3.41	1.296	Sederhana
Purata		3.69		Sederhana
A3 : Pengalaman kewangan				
Sentiasa merekodkan perbelanjaan saya setiap hari.	.771	2.73	1.284	Rendah
Menyediakan bajet kewangan setiap bulan.	.845	3.06	1.277	Sederhana
Menetapkan matlamat perbelanjaan setiap bulan.	.834	3.40	1.236	Sederhana
Mengasingkan perbelanjaan untuk simpanan, perbelanjaan dan kegunaan kecemasan.	.770	3.33	1.232	Sederhana
Purata		3.12		Sederhana

Nota: ¹ Skala tahap literasi kewangan, <2.99 Rendah, 3.00-3.99 Sederhana, >4 Tinggi (Rubayah, Hawati & Nur Ain)

Merujuk kepada Jadual 4, nilai purata keseluruhan bagi item konsep keperluan dan kehendak berada pada tahap yang tinggi yang mana masing masing mencatatkan 4.25 dan 4.37. Ianya jelas menunjukkan pengetahuan mengenai konsep keperluan dan kehendak dalam kalangan mahasiswa adalah sangat baik. Hanya satu item daripada konsep keperluan yang mencatatkan

nilai min di tahap sederhana iaitu pada soalan keempat (3.88). Nilai min yang tertinggi juga dicatatkan oleh item pengetahuan mengenai konsep keperluan yang kedua (4.53). Ianya menunjukkan bahawa mahasiswa mengetahui dengan jelas tentang kategori keperluan asas yang terdiri daripada makanan, tempat tinggal dan pakaian.

JADUAL 4. Pengetahuan Mengenai Konsep Keperluan dan Kehendak dalam Kalangan Mahasiswa

Item	Muatan Faktor	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap ¹
BA : Konsep Keperluan				
Memahami konsep keperluan merupakan kepentingan asas yang diperlukan oleh setiap manusia untuk meneruskan kehidupan.	.792	4.45	.728	Tinggi
Mengetahui keperluan asas terdiri daripada, makanan, tempat tinggal dan pakaian.	.776	4.53	.687	Tinggi
Mengutamakan pembelian barang yang penting sahaja.	.791	4.16	.841	Tinggi
Menggunakan duit poket untuk membeli barang keperluan sahaja.	.680	3.88	.943	Sederhana
Apabila mendapat sumber pembiayaan akan mengutamakan pembelian barang keperluan.	.830	4.25	.813	Tinggi
Purata		4.25		Tinggi
BB : Konsep Kehendak				
Memahami konsep kehendak adalah keinginan terhadap barang perkhidmatan untuk hidup dengan lebih selesa dan mewah daripada keadaan asal.	.805	4.48	.657	Tinggi
Mengetahui kehendak manusia sentiasa berubah ubah dan sukar dipuaskan.	.838	4.49	.702	Tinggi
Tidak suka berbelanja barang untuk tujuan menunjuk nunjuk.	.779	4.21	.866	Tinggi
Membeli barang dengan memikirkan kegunaan sebenarnya buat diri saya.	.844	4.32	.686	Tinggi
Purata		4.37		Tinggi

Nota: ¹Skala tahap literasi kewangan, <2.99 Rendah, 3.00-3.99 Sederhana, >4 Tinggi (Rubayah, Hawati & Nur Ain)

Jadual 5 menunjukkan pengukuran impak literasi kewangan kepada gelagat perbelanjaan mahasiswa. Secara keseluruhannya, purata nilai min bagi impak literasi kewangan berada paa tahap sederhana yang mana mencatatkan 3.66. Soalan kelima

bagi item pembolehkan impak mencatatkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.08. Ianya menunjukkan bahawa pelajar sedar sekiranya mereka mempunyai literasi kewangan, mereka tidak akan lagi mengalami masalah ketidakcukupan wang dalam perbelanjaan mereka.

JADUAL 5. Impak Literasi Kewangan kepada Gelagat Perbelanjaan Mahasiswa

Item	Muatan Faktor	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap ¹
Berjaya mengatur pembahagian perbelanjaan harian antara barang keperluan dan kehendak.	.717	3.75	1.009	Sederhana
Berjaya membuat simpanan setiap bulan.	.687	3.29	1.131	Sederhana
Telah mengurangkan kekerapan perbelanjaan barang kehendak.	.701	3.82	.936	Sederhana
Telah membuat senarai barang ketika membeli makanan & minuman sebagai langkah berjimat cermat.	.684	3.70	1.100	Sederhana
Tidak lagi mengalami masalah ketidakcukupan wang.	.547	4.08	.840	Tinggi
Memperuntukkan lebih banyak wang untuk barangan mesti dan kecukupan berbanding barangan mewah.	.724	3.36	1.136	Sederhana
Berjaya membelanjakan lebihan wang saku saya untuk bersedekah.	.584	3.61	.946	Sederhana
Telah mengetatkan peruntukan kewangan pendidikan saya untuk perkara hiburan (mengembara, membeli belah, menonton wayang dll)	.681	3.65	1.104	Sederhana
Purata		3.66		Sederhana

Nota: ¹ Skala tahap literasi kewangan, <2.99 Rendah, 3.00-3.99 Sederhana, >4 Tinggi (Rubayah, Hawati & Nur Ain)

Jadual 6 pula menunjukkan perbezaan min antara tahun pengetahuan kajian. Kajian mendapati min bagi responden di tahun pengajian ke-3 adalah lebih tinggi daripada pelajar yang berada di tahun pengajian pertama, ke-2 dan ke-4. Malah kajian ini juga mendapati perbezaan min hanya berlaku dalam aspek

pengetahuan kewangan di mana purata keseluruhan min pada aras keertian 1 peratus. Ini jelas menunjukkan aspek pengetahuan kewangan sangat dipengaruhi oleh tahun pengajian dan perbezaan persepsi mereka adalah amat signifikan.

JADUAL 6. Perbezaan Min antara Konstruk dan Tahun Pengajian

Bil	Konstruk	Tahun	Min	Ralat piawai
1	Pengetahuan	Tahun 1	3.99 ^a	.072
		Tahun 2	4.02 ^a	.067
		Tahun 3	4.40 ^a	.057
		Tahun 4	3.64 ^a	.667
		Jumlah	4.14	.041
2	Tingkah laku	Tahun 1	3.51	.114
		Tahun 2	3.82	.104
		Tahun 3	3.69	.091
		Tahun 4	4.03	.213
		Jumlah	3.69	.058
3	Pengalaman	Tahun 1	3.28	.126
		Tahun 2	3.08	.133
		Tahun 3	3.06	.116
		Tahun 4	2.75	.512
		Jumlah	3.12	.071

Nota: ^a signifikan pada aras keertian 1%

Jadual 7 menunjukkan terdapat perbezaan min antara fakulti pengajian. Ianya menunjukkan perbezaan min yang signifikan pada aras keertian 1 peratus antara konstruk pengetahuan kewangan dengan fakulti pengajian. Min persepsi fakulti pengajian adalah tinggi di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) dalam kesemua purata konstruk.

Jadual 8 pula menunjukkan perbezaan min antara PNGK. Terdapat perbezaan min persepsi yang signifikan antara PNGK dengan purata konstruk pengetahuan kewangan pada aras keertian 10 peratus. Min persepsi adalah tinggi bagi konstruk pengetahuan kewangan iaitu sebanyak 4.14 namun perbezaan nilai PNGK dalam setiap konstruk literasi kewangan adalah tidak konsisten.

Hasil daripada Jadual 9 menunjukkan ujian padanan model adalah baik iaitu nilai χ^2 ialah 4.97 manakala nilai R^2 bagi Cox & Snell dan Nagelkerke masing-masing adalah 37.1 peratus dan 51.1 peratus pemboleh ubah bebas menerangkan pemboleh ubah bersandar. Terdapat empat pemboleh ubah yang signifikan yang mempengaruhi impak literasi kewangan kepada gelagat perbelanjaan pelajar iaitu pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan, pengalaman kewangan dan tahun pengajian. Pemboleh ubah pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan dan amalan kewangan signifikan pada aras keertian 1 peratus. Bagi pemboleh ubah tahun pengajian, ianya adalah signifikan pada aras keertian 5 peratus. Walau bagaimanapun, tahun pengajian berhubung secara

negatif (-0.872) dengan impak literasi kewangan kepada gelagat perbelanjaan pelajar. Hasil kajian ini juga menunjukkan pemboleh ubah fakulti pengajian dan PNGK pelajar adalah tidak signifikan. Namun, kedua-dua pemboleh ubah yang tidak signifikan iaitu fakulti pengajian dan PNGK berhubung secara positif dengan impak literasi kewangan.

Jadual 10 menunjukkan sebahagian maklumat balas yang diberikan oleh responden mengenai pengurusan literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa di UKM. Hampir majoriti responden menyatakan penguasaan literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa berada pada tahap yang rendah dan lemah disebabkan oleh pelbagai faktor. Responden 72 menyatakan penguasaan literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa rendah disebabkan oleh ketidakmampuan mereka untuk membandingkan antara kepentingan keperluan dan juga kehendak serta pengaruh rakan rakan sekeliling yang berbelanja berlebihan. Responden 101 pula menyatakan pengaruh hedonisme menyukarkan pelajar untuk mengawal perbelanjaan harian seterusnya menyebabkan mereka tidak dapat menguruskan kewangan dengan baik. Walau bagaimanapun, segelintir mahasiswa menyatakan penguasaan literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa di UKM berada pada tahap sederhana, agak baik dan memuaskan. Responden 4 menyatakan pengurusan kewangan yang baik dapat dilihat daripada cara pelajar menggunakan wang mereka.

JADUAL 7. Perbezaan Min antara Konstruk dan Fakulti

Bil	Konstruk	Fakulti	Min	Ralat piawai
1	Pengetahuan	FEP	4.39 ^a	.079
		FPI	3.90 ^a	.080
		FST	4.07 ^a	.093
		FSSK	4.14 ^a	.111
		FUU	3.73 ^a	.176
		FTSM	3.89 ^a	.161
		FKAB	4.55 ^a	.221
		FPEND	4.51 ^a	.162
		CITRA	4.14 ^a	.107
		Jumlah	4.14	.041
2	Tingkah laku	FEP	3.65	.105
		FPI	3.62	.123
		FST	3.69	.140
		FSSK	3.78	.121
		FUU	3.38	.675
		FTSM	3.51	.295
		FKAB	4.25	.322
		FPEND	3.92	.525
		CITRA	3.68	.284
		Jumlah	3.69	.058
3	Pengalaman	FEP	2.89	.132
		FPI	3.41	.155
		FST	3.08	.181
		FSSK	3.20	.159
		FUU	1.83	.416
		FTSM	2.94	.333
		FKAB	3.25	.620
		FPEND	3.57	.321
		CITRA	3.27	.259
		Jumlah	3.12	.071

Nota: ^asignifikan pada aras ke ertian 1%

JADUAL 8. Perbezaan Min antara Konstruk dan PNGK

Bil	Konstruk	PNGK	Min	Ralat piawai
1	Pengetahuan	2.01 - 2.50	3.96 ^a	.275
		2.51 - 3.00	4.16 ^a	.145
		3.01 - 3.50	4.25 ^a	.059
		3.51 - 4.00	4.03 ^a	.064
		Jumlah	4.14	.041
2	Tingkah laku	2.01 - 2.50	3.88	.329
		2.51 - 3.00	3.63	.208
		3.01 - 3.50	3.73	.089
		3.51 - 4.00	3.63	.085
		Jumlah	3.69	.058
3	Pengalaman	2.01 - 2.50	3.16	.463
		2.51 - 3.00	2.81	.330
		3.01 - 3.50	3.10	.101
		3.51 - 4.00	3.19	.108
		Jumlah	3.12	.071

Nota: ^asignifikan pada aras ke ertian 10%

JADUAL 9. Hasil Analisis Regresi Logistik

Pemboleh ubah	Koefisien	Ralat Piawai	Statistik Wald	df	Sig.	Exp(B)
Konstan	-15.164	2.492	37.013	1	.000 ^a	.000
Pengetahuan	1.672	.437	14.646	1	.000 ^a	5.325
Tingkhilaku	1.197	.284	17.823	1	.000 ^a	3.310
Pengalaman	1.022	.227	20.333	1	.000 ^a	2.779
Fakulti pengajian	.300	.440	.464	1	.496	1.349
Tahun pengajian	-.872	.444	3.852	1	.050 ^b	.418
PNGK	.018	.418	.002	1	.966	1.018
Hosmer & Lemeshow (χ^2)	4.97 ^{ns}					
Cox & Snell R ²	.371					
Nagelkerke R ²	.511					

Nota: ^a signifikan pada aras ke ertian 1%
^b signifikan pada aras ke ertian 5%
^{ns} tidak signifikan
 Pemboleh ubah bersandar ialah impak literasi kewangan kepada gelagat perbelanjaan pelajar.
 Klasifikasi benar keseluruhan ialah 82%

JADUAL 10. Komen Responden mengenai Penguasaan Literasi Kewangan dalam kalangan Mahasiswa di UKM

Responden	Maklum balas
Responden 4	Rata-rata pelajar di UKM mempunyai tahap penguasaan literasi kewangan yang memuaskan. Ini dapat dilihat dengan pelajar-pelajar yg kebanyakan menjaga penggunaan wang mereka.
Responden 72	Segelintir mahasiswa tidak dapat membezakan keperluan dan kehendak mereka sehingga berbelanja melebihi dari yang sepatutnya dan menggunakan simpanan untuk berbelanja. Pengaruh dari rakan sekeliling juga menjadi punca seseorang mahasiswa berada pada tahap literasi kewangan yang rendah.
Responden 101	Tahap literasi yang rendah. Hedonisme telah membuatkan para pelajar sukar mengawal perbelanjaan seharian.
Responden 125	Sesetengah mahasiswa UKM tidak cermat dalam pembelian dan tidak peka dengan keadaan ekonomi semasa negara.
Responden 189	Mahasiswa di UKM dilihat tidak menguasai literasi kewangan kerana pengeluaran aliran tunai harian yang berlebihan dan bukan untuk keperluan asas

Jadual 11 pula menunjukkan cadangan yang diberikan oleh responden dalam meningkatkan pengurusan literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa di UKM. Kebanyakan cadangan tertumpu kepada aspek subjek pembelajaran, program-program yang boleh dianjurkan pihak universiti dan fakulti serta dengan menggunakan teknologi. Dengan mewajibkan subjek yang berkaitan pengurusan kewangan kepada pelajar ianya membolehkan pelajar terdedah dengan peri pentingnya pengurusan literasi kewangan yang

baik dalam kehidupan seharian. Responden 57 menyatakan dengan mengadakan karnival jual beli berhemah dapat meningkatkan penguasaan literasi kewangan pelajar. Antara lainnya lagi, responden 195 mencadangkan untuk mengadakan kempen pengurusan kewangan kepada seluruh mahasiswa. Ianya bertujuan untuk mendedahkan pelajar tentang strategi pengurusan kewangan yang baik dan membangunkan masyarakat yang mampu membuat keputusan kewangan yang bijak supaya bebas daripada kesilapan pengurusan kewangan.

JADUAL 11. Cadangan Responden mengenai Cara Meningkatkan Penguasaan Literasi Kewangan dalam kalangan Mahasiswa di UKM

Responden	Maklum balas
Responden 34	Mahasiswa UKM seharusnya diberi pendedahan ilmu mengenai pengurusan wang yang formal melalui subjek wajib pengajian agar dapat meningkatkan tahap penguasaan literasi kewangan.
Responden 57	Aktiviti karnival jual beli berhema yang melibatkan mahasiswa juga boleh meningkatkan penguasaan literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa.
Responden 63	Pihak Kewangan UKM boleh menggunakan kemudahan dan kepakaran yang ada, untuk membina satu perisian di ewarga, dimana perisian ini dikhaskan untuk membantu menguruskan perbelanjaan dan pengurusan kewangan mahasiswa di UKM.
Responden 69	Mengadakan ceramah berkaitan kewangan peribadi atau apa-apa aktiviti untuk ajar pelajar berkaitan pengurusan kewangan, menubuhkan kelab
Responden 195	Pihak UKM perlu mengadakan kempen pengurusan kewangan kepada semua mahasiswa

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Kajian mendapati tahap literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa UKM berada pada tahap yang sederhana. Hanya item pengetahuan kewangan mahasiswa berada pada tahap yang tinggi selaras dengan tahap pengetahuan mahasiswa mengenai konsep keperluan dan kehendak. Kajian yang dilakukan (Noor Atiqah, Rusliza & Abdullah, 2017) di mana, tahap literasi kewangan dipengaruhi oleh pendidikan kewangan yang diterima. Semakin tinggi tahap pengetahuan kewangan, semakin tinggi tahap kefahaman tentang istilah-istilah serta isu-isu kewangan yang terdapat dalam urusan seharian. Walau bagaimanapun, item tingkah laku pengurusan kewangan dan pengalaman kewangan berada pada tahap yang sederhana. Impak literasi kewangan kepada gelagat perbelanjaan pelajar juga berada pada tahap sederhana. Kajian mendapati faktor pengetahuan, tingkah laku, pengalaman kewangan serta tahun pengajian adalah signifikan mempengaruhi impak literasi kewangan kepada gelagat perbelanjaan pelajar.

Kajian yang dilakukan ini dilihat bertepatan dengan kajian yang dilakukan (Aisyah & Wajeeda, 2016) yang menyatakan bahawa tahap literasi kewangan yang tinggi tanpa mengira sama ada mereka berada pada tahap prasiswazah mahupun pascasiswazah mempengaruhi pengurusan kewangan pelajar. Salbiah et al. (2018) pula menyatakan hanya pengetahuan kewangan mempengaruhi pengurusan kewangan

mahasiswa namun, corak perbelanjaan mahasiswa tidak mempengaruhi pengurusan kewangan. Namun, penulis mendapati faktor corak atau tingkah laku pengurusan kewangan juga mempengaruhi gelagat perbelanjaan mahasiswa. Kajian yang dilakukan oleh Alecia Puyu & Anuar (2017) melihat bahawa pelajar yang berlatar belakang jurusan perniagaan adalah signifikan mempengaruhi pola perbelanjaan mahasiswa. Menurut kajian yang dilakukan oleh penulis pula, jenis fakulti tidak memainkan peranan dalam mempengaruhi gelagat perbelanjaan mahasiswa.

Dahlia et al (2009) mendapati mahasiswa di sebuah universiti awam menunjukkan perbelanjaan mereka secara majoritinya tidak dirancang dengan baik. Hal ini terjadi disebabkan pelajar tersebut mempunyai tanggapan bahawa wang mudah diperolehi kerana dibayai oleh ibu bapa, pinjaman pelajaran serta biasiswa (Yasmin & Anuar, 2017). Sebanyak 91 peratus mahasiswa UKM masing-masing dibiayai setiap bulan oleh ibu bapa, biasiswa dan pinjaman yang menyebabkan mereka kurang prihatin dengan jumlah perbelanjaan yang dilakukan. Tanpa literasi kewangan dan perancangan yang baik dalam pengurusan kewangan menyebabkan kemudaratan buat mereka pada masa akan datang. BNM melaporkan 75 peratus daripada rakyat Malaysia tidak mempunyai simpanan yang mencukupi ataupun kurang daripada RM1,000 (Sinar Harian Online, 2020). Kesannya, pengguna akan membuat pinjaman kerana kesuntukan wang untuk perbelanjaan harian sehinggakan terpaksa meminjam

daripada ah long dan agen pinjaman tanpa lesen.

Oleh itu daripada kajian yang dilakukan, penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan:

Mewajibkan subjek berkaitan literasi kewangan kepada mahasiswa. Pihak universiti merupakan pihak utama yang perlu memainkan peranan dalam hal ini. Antara subjek yang boleh diketengahkan kepada pelajar ialah asas kewangan peribadi. Dalam hal ini, ia membolehkan pelajar memahami konsep-konsep penting dalam kewangan dengan lebih mendalam. Pengintegrasian elemen literasi kewangan dilaksanakan menurut tema atau bidang pembelajaran yang membolehkan mahasiswa meningkatkan pengetahuan kewangan mereka dan dapat menguruskan kewangan dengan lebih baik.

Perlaksanaan kempen-kempen berkaitan pengurusan kewangan terutama berkaitan dengan perbelanjaan mahasiswa melalui program anjuran kelab-kelab persatuan pelajar mahupun memaparkan poster di laman web UKM sendiri. Kempen-kempen yang dilakukan bertujuan untuk mendedahkan mahasiswa mengenai pengurusan kewangan supaya mereka menggunakan wang yang diperolehi sama ada melalui kerja sambilan, biasiswa, pinjaman mahupun wang poket daripada ibu bapa dengan sebaik mungkin. Hal ini juga membolehkan mahasiswa lebih menghargai wang yang mereka miliki dan memperuntukannya untuk barangan keperluan melebihi barangan kehendak.

Meningkatkan kesedaran tentang inovasi produk dan perkhidmatan kewangan serta implikasinya kepada mahasiswa. Hal ini demikian kerana, ianya bertujuan untuk membolehkan mereka mencari pendapatan tambahan menerusi platform perniagaan yang semakin berkembang serta menggunakan wang dengan berhemah kerana sedar akan keburukan dan kebaikan di sebalik setiap alat perkhidmatan kewangan yang disediakan pada masa kini.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, Bank Negara Malaysia dan agensi-agensi yang berkenaan mengadakan sesi motivasi dan rundingan kewangan kepada mahasiswa di universiti. Ianya sepatutnya dilaksanakan bagi membolehkan mahasiswa membuat keputusan kewangan yang berhemat dan bertanggungjawab. Pada waktu yang sama, sesi kaunseling yang dilaksanakan oleh pihak yang benar-benar mahir tentang kepentingan literasi kewangan dapat menyemai kesedaran yang lebih tinggi kepada seseorang mahasiswa yang kurang pengetahuan tentang literasi kewangan seterusnya menjadikan mereka berdaya tahan, menyesuaikan diri dan bersedia dari segi kewangan untuk menghadapi sebarang cabaran dalam kehidupan.

Hasil kajian ini diharap dapat membantu

pihak pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia khususnya dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan literasi kewangan bagi melahirkan pelajar yang celik kewangan. Kajian lanjut berkenaan pengurusan kewangan dan tahap literasi kewangan di kalangan mahasiswa perlu terus dilakukan untuk memudahkan penggubalan dasar literasi kewangan yang bersesuaian kepada orang ramai serta dapat menyumbang kepada penghasilan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan yang lebih berkesan untuk tahun seterusnya

KESIMPULAN

Hasil kajian ini mendapati bahawa tahap literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa di UKM adalah berada pada tahap yang sederhana ataupun memuaskan memandangkan hanya item pengetahuan kewangan berada pada tahap yang tinggi sedangkan dua item lain iaitu pengalaman dan tingkah laku pengurusan kewangan berada pada tahap yang sederhana. Walau bagaimanapun, pengetahuan mahasiswa mengenai konsep keperluan dan kehendak berada pada tahap yang tinggi. Ianya bertepatan dengan tahap skor pengetahuan kewangan yang tinggi memandangkan konsep keperluan dan kehendak merupakan sebahagian daripada pengetahuan kewangan. Analisis juga mendapati impak literasi kewangan kepada perbelanjaan mahasiswa juga berada pada tahap sederhana. Namun, responden menyedari hakikat sekiranya mereka mempunyai literasi kewangan, mereka tidak akan mengalami masalah ketidakcukupan wang lagi. Di samping itu, analisis juga menunjukkan bahawa item pengetahuan, tingkah laku, pengalaman dan tahun pengajian adalah signifikan mempengaruhi impak literasi kewangan kepada gelagat perbelanjaan mahasiswa. Sebahagian besar responden juga menyatakan penguasaan kewangan mahasiswa di UKM berada pada tahap sederhana bertepatan dengan dapatan daripada item tahap literasi kewangan yang dikaji.

RUJUKAN

- (PACFL), President's Advisory Council on Financial Literacy. (2008). *2008 Annual Report to the President*. Retrieved 18 November, 2019, from <http://www.treas.gov/offices/domestic-finance/financial-institution/fin-education/council/index.shtml>
- Aisyah, A. R. & Wajeeha, Z. (2016). Faktor Penentu Pengurusan Kewangan : Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 85-94.

- AKPK. (2019). *Muflis pada usia remaja*. Kuala Lumpur: Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit. Retrieved 22 November, 2019, from <https://www.akpk.org.my/news/1273-muflis-pada-usia-remaja>
- Alecia Puyu, A. S. & Anuar, A. (2017). Pola Perbelanjaan Dalam Kalangan Mahasiswa: Satu Kajian Perbandingan Antara Ipta Dan Ipts. *International Conference on Global Education V: Global Education, Common Wealth, And Diversity*, (pp. 2388-2405). Universitas Ekasakti, Padang.
- Azahari, R., Sajiah, Y. & Muhammad, S. B. (2018). Tinjauan Ke Atas Pengukuran Literasi Kewangan: Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS). *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)*, 37-45.
- Azmi, A. M. (2019). *PTPTN: Bukan tak mahu bayar tapi...* Kuala Lumpur: Sinar Online. Retrieved 22 November, 2019, from <https://www.sinarharian.com.my/article/16513/KHAS/Pendapat/PTPTN-Bukan-tak-mahu-bayar-tapi>
- Bank Negara Malaysia. (2010). *Laporan Tahunan BNM 2010*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia. Retrieved 29 September, 2019, from http://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/2010/ar2010_buku.pdf
- Che Wan, M. C. W. I, Hairunnizam, W. & Mohd Ali, M. N. (2018). Pola Perbelanjaan dan Cadangan Penentuan Haddul Kifayah Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi : Kajian di Kuala Terengganu, Terengganu. *Prosiding PERKEM Ke-13*, 186-199.
- Dahlia, I., Rabitah, H. & Zuraidah, M. I. (2009). A Study on Financial Literacy of Malaysian Degree Students. *Cross Cultural Communication*, 51-59.
- Guliman, S. D. (2015). An Evaluation of Financial Literacy of Micro and Small Enterprise Owners in Iligan City: Knowledge and Skills. *9th Global Business Conference* (pp. 17-23). Manila: De La Salle University, Manila, Philippines.
- Hairunnizam, W., Mohd Ali, M. N. & Sanep, A. (2004). Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya? *IJMS*, 171-189.
- Huston, S. J. (2003;2010). Measuring Financial Literacy. *The Journal of Consumer Affairs*, 296-316.
- Jumari, N. (2020). *Ramai tiada wang simpanan kecemasan*. Kuala Lumpur: Sinar Harian Online. Retrieved 10 Mac, 2020, from <https://www.sinarharian.com.my/article/67672/Analisis-Sinar/Ramai-tiada-wang-simpanan-kecemasan>
- Kimiyaghalam, F., & Yap, S. (2017). Level of Financial Literacy in Malaysia. *International Journal of Research*, 1065-1074.
- Lusardi, A. & Tufano, P. (2008). Debt literacy, financial experiences, and overindebtedness. *Dartmouth Working Paper*.
- Mansor, J. & Zulridah, M. N. (1998). Inflasi dan Ukuran Kos Sara Hidup: Implikasi Terhadap Golongan Berpendapatan Rendah. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics, Volume 1*.
- Mohamad Fazli, S. & MacDonald, M. (2010). Savings Behavior and Financial Problems among College Students: The Role of Financial Literacy in Malaysia. *Cross Cultural Communication*, 6(3), 103-110.
- Mohamad Fazli, S., MacDonald, M., Jariah, M., Laily, P., Tahira, K. H. & Mohd Amin, O. (2008). Financial Behavior and Problems among College Students in Malaysia: Research and Education Implication. *Consumer Interests Annual Volume 54*, 166-170.
- Murugiah, L. (2016). The level of understanding and strategies to enhance financial literacy among Malaysians. *International Journal of Economics and Financial Issues*, 130-139.
- Mwange, A. (2017). Exploring Levels of Financial Literacy among University of Zambia Final Year Students. *IJRDO - Journal of Business Management*, 81-92.
- Nisha, F. K. A. & Norziah, O. (2017). Tingkah Laku Mahasiswa dalam Menguruskan Wang Pembiayaan Pendidikan. *Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah*, (pp. 601-609). Selangor.
- Noor Atiqah, A. T., Rusliza, Y. & Mohd Abdullah, J. (2017). Pendidikan Kewangan, Tahap Literasi Kewangan Dan Hubungannya Dengan Tingkah Laku Kewangan Usahawan Mini Rtc Zon Utara. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 123-135.
- Noor Azizah, S., Nurfadhilah, A. H., Ramesh, K. M. H. M. & Mior, A. J. M. S. (2013). Financial Literacy: A Study Among The University Students. *Interdisciplinary Journal Of Contemporary Research In Business*, 279-299.
- Nor Adibah, A. H., Nurhafizah, A. & Noor, A. A. R. (2017). Factors that Significantly Affect College Students' CGPA. *International Academic Research Journal of Social Science*, 77-81.
- Nor Syahidah, N. & Norasmah, O. (2017). Kualiti Pendidikan Pengurusan Kewangan Dengan Tahap Literasi Kewangan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 183-193.
- Noraihan, M.Z., Hasmida, M. H. & Syaiful, B. J. (2013). Hubungan antara Amalan Pengurusan Kewangan Pelajar dan Kursus PA305: Pengurusan Kewangan Peribadi - Satu kajian kes di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. *Technical And Education Colloquium (TEC) PTSB* (pp. 25-31). Kedah: Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah.
- Nuraini, A., Mohamad Fazli, S., Husniyah, A. R., Mohd Amin, O., Afida, M. M. A. & Nurul Farhana, Z. (2013). Pengurusan Kewangan Dalam Kalangan Pekerja Muda. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 16-34.
- OECD (2014), PISA 2012 Results: Students and Money: Financial Literacy Skills for the 21st Century (Volume VI), PISA, OECD Publishing
- OECD. (2005). *Recommendation on Principles and Good Practices for Financial Education and Awareness*: Directorate of Financial and Enterprise Affairs Retrieved December 15, 2019, from <https://www.oecd.org/daf/fin/financial-education/35108560.pdf>
- Pallant, J. (2007). *Spss survival manual: a step by*

- step guide to data analysis using Spss version 15*. Maidenhead: Open University Press.
- Rubayah, Y., Hawati, J. & Nur Ain, K. (2015). Tahap Literasi Kewangan dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam: Kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* 18(1), 75-88.
- Salbiah, N. S. A., Suzana, A. R., Suhailah, I., Nurulhayah, M. & Maryam, M. E. (2018). Amalan Pengurusan Kewangan Mahasiswa. *Jurnal Inovasi Perniagaan*, 9-23.
- Volpe, R. P., Chen, H. & Pavlicko, J. J. (1996). Personal Investment Literacy Among College Student: A survey. *Financial Practice and Education*, 86-94.
- Williams. (2001). *Financial Success for College Students: Climbing the Steps from Financial Dependence to Independence*. Purdue University. Retrieved from <http://www.bankrate.com/finance/personal-finance/more-students-juggling-work-and-higher-education.aspx>
- Yasmin, H. & Anuar, A. (2017). Tahap literasi kewangan di kalangan mahasiswa. *Conference: International Conference on Global Education V "Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity"* (pp. 2373-2387). Padang: Universitas Ekasakti, Padang.
- Zuriana, M. & Rosniyati, A. R. (2012). Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Impak Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi Jabatan Perdagangan. Politeknik Port Dickson.

Hairunnizam Wahid, Siti Aisyah Zahari*
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: aisyahzahari19@gmail.com

Diserahkan: 22 Mei 2020
 Diterima: 17 Jun 2020